

# Hadiah buat keluarga

■ Dua beradik gembira terima ijazah serentak

Metro 2011 m/s 72

Shahrinnahar Latib  
am@hmetro.com.my

## Kuantan

“Saya tidak sangka dapat menamatkan pelajaran serentak dengan adik, bagi kami ia kegembiraan berganda buat ibu bapa dan seluruh ahli keluarga,” kata Siti Fatimah Umar Baki, 26, graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) Ke-12 di sini, semalam.

Siti Fatimah dan adiknya, Muhammad Hanif, 24, menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia tidak menyangka menghadihkan segulung ijazah kepada ibu bapanya secara serentak.

Berasal dari Kuching, Sarawak, Siti Fatimah berkata, kegigihan mereka membalas jasa keluarga amat tinggi dan mahu kejayaan berkenaan menjadi pendorong buat adik yang lain untuk terus berjaya.

“Kami sentiasa berjumpa untuk bercerita mengenai masalah masing-masing terutama berkaitan pelajaran. Malah, kami juga menghibiskan masa bersama terutama apabila tidak dapat pulang ke kampung terutamanya ketika hari raya.



### FAKTA

Muhammad Hanif  
akui kakaknya  
pendorong  
utamanya untuk  
berjaya

UMAR (kanan) dan isteri datang dari Sarawak bagi meraikan kejayaan dua anaknya yang menerima ijazah serentak di Majlis Konvokesyen UMP kampus Gambang.

“Walaupun sedih tetapi kami tetap bersama kerana ini yang mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan selain merencanakan kejayaan masa hadapan,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Anak ketiga dari lima beradik itu menyifatkan dorongan serta suntikan semangat antara satu sama lain menjadi tunjang utama kejayaan mereka merangkul ijazah.

“Sudah semestinya ini adalah satu kenangan manis kepada diri saya malah buat seluruh keluarga. Kejayaan

ini adalah untuk mereka kerana tidak pernah lelah memberikan sokongan dan motivasi pada saya untuk menimba ilmu di sini.

“Tidak lupa juga kepada tenaga pengajar kerana banyak mencurahkan bakti serta ilmu selain tidak pernah jemu membantu saya,” katanya.

Sementara itu, Muhammad Hanif berkata, kakaknya adalah pendorong utamanya untuk berjaya dan dia sentiasa memberi sokongan kepadanya setiap kali menghadapi tekanan.

“Saya akan berjumpa dengan kakak untuk meluahkan

kesan perasaan dan dia akan memberi nasihat supaya terus berusaha untuk mendapat segulung ijazah,” katanya.

Anak keempat dari lima beradik itu berkata, dia akan sentiasa membuat perancangan awal untuk setiap perkara yang ingin dilakukannya bagi mengelakannya membuang masa.

“Saya juga berharap untuk menyumbang ilmu yang dipelajari selama ini kepada masyarakat dan ingin membalas budi keluarga kerana sentiasa menyokong saya dalam setiap perkara,” katanya.